

**PEKELILING KEMAJUAN PENGURUSAN PENTADBIRAN TANAH  
BILANGAN 1 TAHUN 2015**

**Pelaksanaan Penarafan Bintang Di Pentadbiran Tanah**

**TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memberikan panduan kepada semua Pentadbir Tanah tentang pelaksanaan Penarafan Bintang di pentadbiran tanah.

**LATAR BELAKANG**

2. Penarafan Bintang Agensi Sektor Awam merupakan salah satu mekanisme penilaian dan pengukuran prestasi agensi Kerajaan. Inisiatif ini mula dilahirkan berikutan arahan Y.A.B. Perdana Menteri dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 2 Februari 2005. Ianya mula dilaksanakan ke atas kementerian-kementerian dan agensi-agensi Pusat sejak tahun 2008 dan diperluaskan ke pejabat-pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan agensi-agensi barisan hadapan pada tahun 2009.
3. Selaras dengan matlamat tersebut, pentadbiran tanah juga tidak boleh ketinggalan dalam usaha untuk memastikan peningkatan kualiti perkhidmatan urusan tanah secara konsisten kepada rakyat dan *stakeholders*. Pada 30 April 2009, semasa Mesyuarat Ketua Setiausaha Negara (KSN) bersama Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri telah diputuskan supaya Penarafan Bintang atau Sistem *Star Rating* (SSR) turut diperluaskan ke pentadbiran tanah di negeri-negeri Semenanjung Malaysia. Inisiatif Pelaksanaan SSR ini juga adalah sejajar dengan peranan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 8(1)(d) Kanun Tanah Negara.
4. Beberapa sesi konsultasi bersama-sama agensi-agensi Persekutuan seperti Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dan Arkib Negara Malaysia (ANM) serta pegawai-pegawai di pentadbiran tanah negeri dan daerah telah diadakan bagi persediaan pelaksanaan SSR Pentadbiran Tanah. Mesyuarat Pengarah-Pengarah Tanah Malaysia Bil. 1/2012 pada 17 Mei 2012 juga telah bersetuju supaya SSR Pentadbiran Tanah dilaksanakan di semua pentadbiran tanah di negeri-negeri Semenanjung Malaysia dengan tujuan seperti berikut:
  - i. Menilai dan mengukur prestasi pentadbiran tanah yang berada pada tahap yang cemerlang;
  - ii. Memberi pengiktirafan secara formal kepada pentadbiran tanah yang cemerlang;
  - iii. Memberi publisiti yang meluas mengenai dasar, strategi dan amalan terbaik yang dilaksanakan;
  - iv. Menggalakkan persaingan yang sihat di kalangan pentadbiran tanah; dan

- v. Mengukur kemajuan dalam pentadbiran tanah.

5. SSR Pentadbiran Tanah ini menekankan konsep integriti dan kecekapan (efficiency) dalam usaha untuk menginstitusikan elemen akauntabiliti, ketelusan (transparency), kualiti dan kepastian (certainty) dalam penyampaian perkhidmatan urusan tanah bagi memenuhi kepuasan dan ekspektasi rakyat serta *stakeholder*.

#### GLOSARI

6. Istilah 'Pentadbiran Tanah' yang diguna pakai di dalam pekeling ini adalah bermaksud semua Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT), Pejabat Tanah Dan Jajahan (PTJ) dan Pejabat Tanah (PT) di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.

#### KOMPONEN PENARAFAN BINTANG

7. Penarafan ini bertujuan menilai tahap penyampaian perkhidmatan yang disediakan oleh pentadbiran tanah. Ianya akan dilaksanakan dengan berdasarkan penilaian ke atas tiga (3) komponen seperti berikut:

- i. Pengurusan;
- ii. Perkhidmatan Teras; dan
- iii. Pengurusan Pelanggan.

8. Bagi komponen Perkhidmatan Teras, urusan tanah yang telah dipilih sebagai kriteria merupakan urusan pentadbiran tanah yang memerlukan pematuhan perundangan, bersifat 'touch point' bagi memenangi hati rakyat serta mudah dinilai dan dibuat penambahbaikan.

9. Senarai kriteria bagi ketiga-tiga komponen seperti di **Lampiran 1**. Walau bagaimanapun, apa-apa perubahan dan penambahbaikan terhadap kriteria tersebut perlu lah diperhalusi oleh Panel Perunding SSR Pentadbiran Tanah dan dipersetujui oleh Mesyuarat Pengarah Tanah Malaysia.

10. Jumlah peratusan markah yang diperolehi akan menentukan taraf bintang sesebuah pentadbiran tanah seperti di **Jadual 1**:

Jumlah Peratusan Markah	Taraf Bintang
90.0 % - 100 %	★★★★★
80.0 % - 89.9 %	★★★★
70.0 % - 79.9 %	★★★
60.0 % - 69.9 %	★★
50.0 % - 59.9 %	★
0 % - 49.9 %	Tiada bintang

**Jadual 1:** Julat pemarkahan SSR

11. Selain Penilaian berdasarkan kriteria-kriteria SSR, PDT/PTJ/PT yang mendapat keputusan 90.00% dan ke atas perlu juga mematuhi tujuh syarat tambahan berikut bagi mendapat penarafan lima bintang, iaitu:

- i. Semua Sub-Komponen Perkhidmatan Teras (Pelupusan, Pendaftaran, Pembangunan, Hasil serta Penguatkuasaan dan Teknikal) memperolehinya pemarkahan 90 peratus dan ke atas;
- ii. Komponen A (Pengurusan) dan Komponen C (Pengurusan Pelanggan) memperolehinya markah purata 90 peratus dan ke atas;
- iii. Mendapat Sijil Indeks Akauntabiliti (AI) bertaraf 4 bintang;
- iv. Disenarai pendek bagi pencalonan Anugerah Inovasi Sektor Awam (AISA) atau mendapat johan dalam Anugerah Inovasi di peringkat Negeri;
- v. Pengemaskinian HRMIS berada di tahap 95 peratus ke atas;
- vi. Memenuhi syarat 7 hari berkursus termasuk 3 hari kursus teras (Pegawai yang terlibat dalam Perkhidmatan Teras); dan
- vii. Penarafan Portal/Website oleh MDEC bertaraf 5 Bintang.

12. Syarat Tambahan ini berkuatkuasa mulai penilaian SSR pentadbiran tanah pada tahun 2015. Walau bagaimanapun keputusan penarafan 5 Bintang adalah tertakluk kepada persetujuan dan perakuan Mesyuarat Panel Perunding Sistem Penarafan Bintang Pentadbiran Tanah.

#### **PELAKSANAAN PENARAFAN BINTANG**

13. Pentadbiran tanah perlu mewujudkan suatu Jawatankuasa/Unit SSR di organisasi masing-masing bagi memastikan SSR Pentadbiran Tanah ini dapat dilaksanakan dan dibudayakan di setiap pentadbiran tanah secara terancang dan konsisten.

14. Jawatankuasa/Unit SSR ini hendaklah diketuai oleh Pegawai Daerah/Pentadbir Tanah/Ketua Penolong Pegawai Daerah (Tanah) yang bertanggungjawab bagi menyelaras aktiviti perancangan, pelaksanaan dan penilaian SSR di pentadbiran tanah masing-masing. Jawatankuasa/Unit ini terbahagi kepada Sektor Operasi dan Sektor Audit yang diketuai oleh Penolong Pentadbir Tanah/Penolong Pegawai Daerah (Tanah).

15. Sektor Operasi berfungsi untuk menyelaras pelaksanaan perkhidmatan supaya mematuhi keperluan SSR manakala Sektor Audit melaksanakan penilaian/pemantauan terhadap pematuan kriteria SSR di pentadbiran tanah masing-masing. Struktur Jawatankuasa/Unit SSR di pentadbiran tanah seperti di **Lampiran 2**.

16. Jawatankuasa/Unit SSR ini perlu merancang supaya dibuat penilaian/auditan dalaman agar sebarang ketidakpatuhan kriteria SSR hendaklah dibentangkan dalam mana-mana Mesyuarat Jawatankuasa SSR atau Mesyuarat Pengurusan di pejabat masing-masing agar ia diperbaiki/ditambah baik sebelum pasukan Panel Penilai SSR membuat penilaian untuk penarafan.
17. Penilaian dilaksanakan oleh pasukan Panel Penilai SSR yang dianggotai oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG), Unit Audit di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan pegawai-pegawai lain yang dilantik yang akan membuat lawatan ke pentadbiran tanah negeri mengikut jadual yang telah dipersetujui bersama.
18. Penilaian akan dibuat ke atas semua aktiviti berkaitan kriteria bagi ketiga-tiga komponen yang dilaksanakan pada tahun sebelumnya iaitu tahun yang dinilai.
19. Urus Setia SSR Pentadbiran Tanah akan mengadakan sesi penerangan (roadshow) bagi tujuan pembiasaan (familiarisation) dan persediaan kepada pentadbiran tanah yang berkenaan sebelum pasukan Panel Penilai SSR membuat penilaian untuk penarafan.
20. Pemarkahan SSR Pentadbiran Tanah akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Panel Perunding Sistem Penarafan Bintang Pentadbiran Tanah (Keanggotaan seperti di **Lampiran 3**) untuk diperhalusi dan dimuktamadkan. Kemudian Mesyuarat Pengarah Tanah Malaysia (PTM) akan mempertimbangkan dan memutuskan penarafan bintang. Seterusnya keputusan penilaian SSR Pentadbiran Tanah akan dimaklum dan disahkan dalam Mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN). Carta aliran proses pelaksanaan SSR Pentadbiran Tanah seperti di **Lampiran 4**.

#### **PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA**

21. Pekeliling ini dikeluarkan dengan persetujuan semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan mula berkuat kuasa dari tarikh Pekeliling ini dikeluarkan.
22. Pekeliling Kemajuan Pengurusan Pentadbiran Tanah Bilangan 1 Tahun 2013 Pelaksanaan Penarafan Bintang Di Pentadbiran Tanah adalah dengan ini dibatalkan.



**( DATO' SRI HAJI AZEMI BIN KASIM )**  
**KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN**

No. Fail : JKPTG/101/799 Jld. 3(ts)  
Tarikh : 10 Ogos 2015